

**KERTAS PELAPORAN  
JAWATANKUASA PEMANDU TEKNIKAL STATISTIK  
(JPTS)**

**PERBANDINGAN DATA GAJI DAN UPAH DI  
ANTARA PENYIASATAN GAJI & UPAH DAN  
PENYIASATAN PENDAPATAN ISI RUMAH**

**DISEMBER 2015**

**BAHAGIAN PERANGKAAAN TENAGA MANUSIA DAN SOSIAL  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

## 1. TAJUK KAJIAN

Perbandingan Data Gaji dan Upah di antara Penyiasatan Gaji & Upah dan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah

### 1.1 Teras dan strategi Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020

Teras 1 : Penghasilan produk dan perkhidmatan statistik yang berintegriti dan *reliable*

Strategi 2 : Meningkatkan penghasilan produk dan memperluaskan perkhidmatan statistik

Teras 2 : Pengurusan sumber dan infrastruktur yang efisien

Strategi 1 : Mentransformasi proses penghasilan statistik berteraskan inisiatif global

## 2. LATAR BELAKANG

### 2.1 Pengenalan

Statistik gaji dan upah merupakan maklumat penting pasaran buruh yang digunakan oleh penggubal dasar, perancang dan penyelidik sebagai input dalam merangka dan menggubal dasar sosioekonomi negara. Secara umumnya, statistik ini diperoleh daripada sumber rekod pentadbiran atau melalui kajian dan pungutan data secara spesifik. Di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), statistik gaji dan upah tersedia melalui pungutan data menggunakan pendekatan isi rumah dan pertubuhan. Antara dua sumber utama statistik gaji dan upah yang diperoleh melalui pendekatan isi rumah ialah Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah & Kemudahan Asas (HIS) dan Penyiasatan Gaji & Upah (PGU).

HIS telah dilaksanakan dua kali dalam tempoh setiap Rancangan Malaysia sejak tahun 1979 dengan objektif mengumpul pola taburan pendapatan isi rumah bagi menyediakan statistik pendapatan dan kemiskinan di peringkat isi rumah. Tujuan utama pelaksanaan HIS ialah menyediakan input kepada pengguna utama untuk merangka dan menggubal dasar; serta melaksanakan program dan inisiatif bagi memantau sasaran pembasmian kemiskinan mutlak di negara kita. Justeru,

statistik utama yang disebar kepada umum berdasarkan HIS merujuk kepada pendapatan dan kemiskinan di peringkat isi rumah.

Menyedari keperluan menyediakan statistik gaji dan upah di peringkat individu secara kerap dan berkala, Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (BPTMS) telah melaksanakan kajian rintis PGU bersekali dengan Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) pada tahun 2006. Seterusnya, PGU telah dilaksanakan setiap tahun dengan sebaran statistik purata dan penengah gaji dan upah kepada pengguna umum mulai statistik tahun 2010 pada tahun 2013.

## **2.2 Pernyataan masalah**

Statistik gaji dan upah daripada PGU dan HIS tertakluk kepada perbezaan dalam pendekatan, konsep, tempoh rujukan dan tempoh pelaksanaan penyiasatan. Ini kerana PGU dan HIS masing-masing dilaksanakan untuk memenuhi objektif yang berbeza. Walau bagaimanapun, komponen pendapatan daripada pekerjaan bergaji yang dikutip dalam HIS merupakan maklumat utama yang difokuskan di dalam PGU dalam penyediaan indikator utama gaji dan upah tahunan. Oleh itu, indikator utama gaji dan upah seperti purata dan penengah gaji dan upah yang diterima oleh pekerja bergaji serta bilangan penerima gaji dan upah boleh dijana daripada kedua-dua sumber data. Memandangkan HIS telah dilaksanakan lebih tiga dekad yang lalu, pendekatan, reka bentuk pensampelan serta penganggaran statistik peringkat isi rumah bersumberkan penyiasatan ini diyakini dan diguna pakai secara meluas. Justeru, bagi menanda aras dan memastikan kebolehpercayaan statistik bersumberkan PGU, kajian perlu dilaksanakan bagi membandingkan statistik PGU dengan HIS.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama pelaksanaan kajian ini adalah:

- i. Membandingkan corak gaji dan upah dari sumber data Penyiasatan Gaji & Upah dengan sumber data Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah; dan
- ii. Mengesahkan bahawa tiada perbezaan dalam statistik gaji dan upah dari kedua-dua sumber.

## 4. PENDEKATAN METODOLOGI

### 4.1 Data

Kajian ini menggunakan data DOSM iaitu statistik agregat purata gaji dan upah bersumberkan HIS 2012 dan PGU 2012 telah digunakan. Kedua-dua HIS dan PGU dijalankan menggunakan pendekatan isi rumah. Walau bagaimanapun, konsep dan definisi dua sumber data ditunjukkan seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Ringkasan konsep dan definisi Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Penyiasatan Gaji & Upah**

| Penyiasatan            | Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah   | Penyiasatan Gaji & Upah   |
|------------------------|--|---|
| Tempoh penyiasatan     | 12 bulan   | 6 bulan   |
| Tempoh rujukan         | 12 bulan yang lalu   | Sebulan yang lalu   |
| Maklumat yang dipungut | Maklumat <u>pendapatan</u> berkala dan terakru daripada <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pekerjaan bergaji;</li> <li>- Bekerja sendiri</li> <li>- Harta benda; dan</li> <li>- Penerimaan pindahan semasa.</li> </ul> | Maklumat <u>kadar upah</u> bagi pekerjaan biasa dalam bulan rujukan untuk ahli isi rumah yang merupakan pekerja Kerajaan atau swasta.<br><br>Kadar upah mengambil kira gaji pokok, elaun sara hidup, elaun dan bayaran kerja lebih masa & lain-lain elaun tetap; tidak termasuk bonus, elauan keluarga dan lain-lain caruman sosial dan kebajikan oleh majikan. |
| Kekerapan pelaksanaan  | Dua kali dalam tempoh setiap rancangan pembangunan lima tahun negara   | Setiap tahun  |

Untuk memastikan kebolehbandingan antara dua sumber data, kriteria liputan yang sama digunakan iaitu statistik purata gaji dan upah disediakan di peringkat individu warganegara sahaja, bagi pekerja bergaji dalam sektor Kerajaan dan swasta yang berumur 15-64 tahun.

## 4.2 Kaedah Analisis

Teknik analisis yang digunakan dalam kajian perbandingan ini ialah kaedah statistik deskriptif bagi membandingkan purata gaji dan upah daripada HIS dan PGU mengikut ciri-ciri jantina, strata, kumpulan etnik, kelas pendapatan, pekerjaan, industri dan negeri. Seterusnya, analisis 't-test' telah dilaksanakan bagi melihat sekiranya terdapat perbezaan antara purata gaji & upah HIS dan PGU mengikut negeri.

## 5. HASIL DAN RUMUSAN

### 5.1 Dapatan kajian


#### Analisis statistik deskriptif

Secara keseluruhannya, corak penerimaan gaji kedua-dua sumber data mengikut ciri-ciri jantina, strata, pekerjaan, industri dan negeri adalah sama. Walau bagaimana pun dapat diperhatikan bahawa purata gaji dan upah daripada HIS adalah tinggi sedikit berbanding PGU.


Carta 1 menunjukkan purata gaji dan upah bulanan secara keseluruhan serta pecahan mengikut jantina dan mengikut strata bandar dan luar bandar. Lelaki menerima gaji dan upah bulanan yang lebih tinggi berbanding perempuan. Dari segi kawasan pula, mereka yang bekerja di bandar menerima gaji lebih tinggi berbanding di luar bandar.

Carta 2 menunjukkan purata gaji dan upah bulanan mengikut kumpulan etnik. Kedua-dua sumber data menunjukkan bahawa etnik Cina menerima pendapatan tertinggi dalam kalangan etnik utama di Malaysia diikuti oleh Bumiputera.

**Carta 1 : Purata gaji dan upah bulanan mengikut jantina dan strata, 2012**




**Carta 2 : Purata gaji dan upah bulanan mengikut kumpulan etnik, 2012**




Carta 3 menunjukkan taburan penerima gaji dan upah bulanan mengikut kelas pendapatan. Kedua-dua sumber data menunjukkan taburan gaji yang hampir pencong ke kanan. Lebih dari 20 peratus pekerja bergaji menerima pendapatan kurang daripada RM1,000 manakala peratusan yang kecil berada dalam kelas-kelas gaji lebih daripada RM3,000.

**Carta 3 : Taburan penerima gaji dan upah bulanan mengikut kelas gaji, 2012**



Purata gaji dan upah mengikut pekerjaan adalah seperti di Carta 4. Selaras dengan tahap kemahiran dan pencapaian pendidikan, kumpulan **Pengurus** menerima gaji dan upah bulanan tertinggi diikuti oleh **Profesional**. Pekerja dalam kategori **Pekerjaan asas** pula menerima gaji dan upah paling rendah.

**Carta 4 : Purata gaji dan upah bulanan mengikut mengikut pekerjaan, 2012**




**Nota: Klasifikasi pekerjaan berasaskan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2008**

Carta 5 pula menunjukkan purata gaji dan upah mengikut klasifikasi industri. Berdasarkan kedua-dua sumber data, gaji tertinggi diterima bagi pekerja dalam industri **Perlombongan dan Pengkuarian**. Walau bagaimanapun, dari segi nilai gaji, sumber HIS menunjukkan perbezaan lebih RM1,000 berbanding sumber HIS. Perbezaan tinggi antara kedua-dua sumber data juga dapat dilihat bagi beberapa kategori industri seperti **Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara**; dan **Aktiviti hartanah**.



**Carta 5 : Purata gaji dan upah bulanan mengikut mengikut industri, 2012**




**Nota: Klasifikasi industri berasaskan Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0 seperti berikut:**

- |   |   |   |  |
|---|---|---|--|
| A | Pertanian, perhutanan dan perikanan                                       | K | Aktiviti kewangan dan insurans/takaful                             |
| B | Perlombongan dan pengkuarian  | L | Aktiviti hartanah  |
| C | Pembuatan   | M | Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal                       |
| D | Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara                            | N | Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan                          |
| E | Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan         | O | Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib |
| F | Pembinaan   | P | Pendidikan   |
| G | Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal | Q | Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial                    |
| H | Pengangkutan dan penyimpanan  | R | Kesenian, hiburan dan rekreasi                                     |
| I | Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman                  | S | Aktiviti perkhidmatan lain   |
| J | Maklumat dan komunikasi   | T | Aktiviti hartanah  |

Carta 6 menunjukkan purata gaji dan upah mengikut negeri. Pekerja di W.P. Putrajaya menerima gaji dan upah bulanan tertinggi diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, perbezaan yang agak besar dari segi nilai gaji dapat dilihat antara kedua-dua sumber data bagi W.P. Putrajaya dan W.P. Labuan.

**Carta 6 : Purata gaji dan upah bulanan mengikut mengikut negeri, 2012**



### **Analisis 't-test'**

Bagi menjawab persoalan sama ada terdapat perbezaan antara statistik gaji dan upah yang diperoleh daripada Penyiasatan Gaji & Upah dan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, ujian t-test telah dibuat. Hipotesis kajian adalah terdapat perbezaan antara statistik gaji dan upah mengikut negeri dari PGU dan HIS pada nilai alpha 0.05.

Berdasarkan analisis 't-test' bagi sampel bebas ke atas statistik gaji dan upah mengikut negeri bersumberkan PGU dan HIS, keputusan seperti di Jadual 2 telah diperoleh.

**Jadual 2: Penilaian analisis 't-test'**

| <b>Perkara</b>           | <b>PGU 2012</b> | <b>HIS 2012</b> |
|--------------------------|-----------------|-----------------|
| Purata gaji              | RM1,976         | RM2,303         |
| Sisihan piawai           | 437.9067        | 682.3572        |
| Ralat piawai bagi purata | 109.4767        | 170.5893        |
| Nilai-t                  | -1.610          |                 |
| Nilai-p (alpha)          | 0.120           |                 |

Memandangkan kedua-dua sumber data adalah daripada sampel yang berbeza, dapat diandaikan bahawa varians yang berbeza bagi statistik purata gaji Pgu dan HIS. Oleh itu, pada nilai alpha 0.181 iaitu melebihi 0.05, dapat diputuskan bahawa tiada perbezaan yang ketara antara statistik yang diperoleh daripada PGU dan HIS. Output ujian daripada perisian SPSS dilampirkan seperti di Lampiran 1.

## **5.2 Tindakan penyelesaian**

Berdasarkan dapatan kajian ini, disyorkan Penyiasatan Gaji & Upah terus dilaksanakan setiap tahun bagi mendapatkan petunjuk penerimaan gaji pekerja di Malaysia meliputi warganegara dan bukan warganegara. Walau bagaimanapun, BPTMS akan terus mengkaji pendekatan pelaksanaan PGU dari segi konsep dan tempoh pelaksanaan bagi memastikan penyediaan statistik yang tepat dan diyakini sebagai input kepada penggubalan dasar serta pemantauan keberkesanan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan berkaitan pasaran buruh di Malaysia.

**LAMPIRAN 1**  
**Output SPSS analisis 't-test'**

**Group Statistics**

|             | Survey  | N  | Mean      | Std. Deviation | Std. Error Mean |
|-------------|---------|----|-----------|----------------|-----------------|
| Mean_salary | PGU2012 | 16 | 1976.4375 | 437.90668      | 109.47667       |
|             | HIS2012 | 16 | 2302.7500 | 682.35724      | 170.58931       |

**Independent Samples Test**

|             |                             | Levene's Test for Equality of Variances |      | t-test for Equality of Means |        |                 |                 |                       |   |          |
|-------------|-----------------------------|---|------|------------------------------|--------|-----------------|-----------------|-----------------------|---|----------|
|             |                             | F                                       | Sig. | t                            | df     | Sig. (2-tailed) | Mean Difference | Std. Error Difference | 95% Confidence Interval of the Difference |          |
|             |                             |   |      |                              |        |                 |                 |                       | Lower                                     | Upper    |
| Mean_salary | Equal variances assumed     | 1.878                                   | .181 | -1.610                       | 30     | .118            | -326.31250      | 202.69646             | -740.274                                  | 87.64889 |
|             | Equal variances not assumed |   |      | -1.610                       | 25.564 | .120            | -326.31250      | 202.69646             | -743.307                                  | 90.68241 |